

# Istiadat kemahkotaan jadi acara kemuncak

**JOHOR BAHRU 21 Mac** - Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor kelima, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang akan berlangsung di Bilik Singgahsana, Istana Besar Isnin ini, bukan sahaja menjadi acara kemuncak, malah akan dilaksanakan dengan penuh gilang-gemilang.

Berdasarkan aturcara istiadat, sebaik semua jemputan dan tetamu diraja mengambil tempat yang disediakan, Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah akan berangkat masuk ke Bilik Singgahsana dan Lagu Bangsa Johor dimainkan sebelum istiadat dimulakan.

Istiadat Kemahkotaan bermula dengan Mufti Johor, Datuk Mohd. Tahrir Samsudin memakaikan Mahkota Kerajaan di kepala Sultan Ibrahim dengan lafaz selawat dan *Bismillahirrahmanirrahim* diikuti pemakaian mahkota di kepala Raja Zarith Sofiah yang membawa gelaran Permaisuri Johor.

Uniknya istiadat tersebut adalah kerana Johor merupakan negeri pertama mengadakan pada tahun 1886 dan dilaksanakan dengan sempurna mengikut adunan budaya Barat, Melayu serta bercirikan Islam.

Almarhum Sultan Abu Bakar mengilhamkan Mahkota Kerajaan

itu yang ditempah khas dengan syarikat yang membuat peralatan diraja British, J.W. Benson di London, United Kingdom.

Mahkota berkenaan diperbuat daripada emas bercampur perak dan disinarkan dengan enam delima merah, 12 permata nilam biru dan enam zamrud hijau, selain dilengkapi balang mahkota dan bulan bintang bertatah 2,745 berlian pelbagai ukuran.

Tulisan jawi Allah dengan 37 permata delima merah dan Muhammad menggunakan 55 permata zamrud menjadi sambungan kepada empat bulan sabit dan bintang pecahan lima dengan bahagian bawah terdapat kain baldi berwarna biru yang melambangkan warna diraja.

Sebaik selesai istiadat, Timbalan Mufti Johor, Datuk Yahya Ahmad akan membacakan doa dan disambut dengan Lagu Bangsa Johor serta 21 das Bedilan Selamat.

Istiadat yang berlangsung secara tertutup itu diikuti majlis Mengadap Takzim oleh Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan putera-putera serta puteri baginda bagi mewakili kerabat dan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin sebagai wakil rakyat dan kerajaan negeri.